

KANGAROO BRAND[®] EUCALYPTUS OIL

Eucalyptus Oil (100%)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*
2. Bagaimana *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*
4. Cara menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*
5. Semasa menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*

Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil digunakan untuk melegakan gejala-gejala demam selsema, kembung perut, kekejangan otot, lebam-lebam ringan dan terseliuh ringan.

Bagaimana *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* berfungsi

Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil manganungi minyak kayu putih yang mempunyai kesan melegakan.

Sebelum menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan gunakan ubat ini jika anda alergi kepada minyak kayu putih.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan sebarang ubat.

- *Sebelum menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil**
Sentiasa gunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Beritahu doktor anda jika anda sedang menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*

- *Berapa banyak harus digunakan*
Sapukan pada dada atau urut pada bahagian berkenaan mengikut keperluan.

- Untuk Demam Selsema:
Kanak-Kanak dan Orang Dewasa: Palitkan setitik *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* pada hidung. Urut *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* perlahan-lahan pada dada dan belakang.
Bayi: Cairkan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* dalam air dan minyak bayi, dan urut perlahan-lahan pada dada dan belakang.

- Untuk Melegakan Kembung Perut:
Sapukan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* pada perut dan urut perlahan-lahan untuk melegakan kembung perut. *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* boleh mencegah 'angin' untuk bayi baru lahir apabila disapukan pada pusatnya.

- Untuk Kekejangan Otot, Lebam-Lebam Ringan dan Terseliuh Ringan:
Urut *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* perlahan-lahan pada bahagian berkenaan untuk melegakannya.

- *Bila perlu digunakan*
Ulangi penggunaan jika perlu.

- *Berapa lama perlu digunakan*
Gunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* untuk tempoh masa seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

Jika gejala-gejala berterusan, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- *Jika terlupa menggunakan*
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan gunakan dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, jika anda atau sesiapa tersapu dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala-gejala terlebih dos seperti pening, gangguan koordinasi pergerakan, kelemahan otot, tidak responsif, pucat dan keadaan kulit menjadi biru boleh berlaku.

Semasa menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*

- *Perkara yang perlu dilakukan*
Hentikan penggunaan jika kerengsaan berlaku.

KANGAROO BRAND[®] EUCALYPTUS OIL

Eucalyptus Oil (100%)

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan daripada terkena mata.
- Untuk kegunaan luaran sahaja.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.
- Jika tertelan, dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil*

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kangaroo Brand[®] Eucalyptus Oil adalah cecair yang tidak berwarna atau berwarna kuning pucat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Minyak kayu putih
- Bahan tidak aktif:
Tiada

- Nombor MAL

MAL20033993X

Pengilang

Pharmacare Limited
114 Soi Chalongkrung 31, Lumplatew,
Ladkrabang, Bangkok 10520,
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Delfi Marketing Sdn. Bhd.
Level 6, Block A, Sky Park One City,
Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

05/01/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)050122/00007